

31 DEC 2002
Mykad-Kompaun
KOMPAUN JIKA GAGAL TUKAR MYKAD PADA 2005

PETALING JAYA, 31 Dis (Bernama) -- Orang ramai yang gagal menukarkan kad pengenalan lama mereka kepada kad pengenalan pintar MyKad pada 2005 mungkin akan dikenakan kompaun, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin hari ini.

Beliau berkata kerajaan memberikan cukup kelonggaran kepada rakyat untuk menukarkan kad pengenalan plastik mereka sehingga 2005 dan tindakan mungkin dikenakan jika mereka masih melengah-lengahkan usaha itu.

"Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan menimbangkan apakah tindakan yang akan diambil kepada mereka yang sengaja menghilangkan atau sengaja tidak mahu memperbaharui kad pengenalan mereka kepada MyKad, sama ada kompaun atau sebagainya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan Hari Raya Aidilfitri anjuran JPN di sini.

Zainal Abidin berkata tindakan itu perlu bagi memastikan tidak ada pihak yang sengaja melengah-lengahkan urusan memperbaharui kad pengenalan mereka kepada Mykad atau sengaja melakukannya kerana mempunyai agenda tertentu yang bertentangan usaha kerajaan memperkenalkan sistem kad pintar kepada rakyat.

Berdasarkan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan bajet 2003, September lalu, kerajaan akan mengeluarkan MyKad secara percuma kepada rakyat di seluruh negara mulai esok hingga 31 Dis 2005.

Berikutan itu permintaan untuk MyKad dijangka meningkat dari 10,000 sehari sekarang kepada 20,000 sehari pada 2004.

Ketua Pengarah JPN Datuk Azizan Ayob sementara itu berkata pihaknya kini sedang berbincang dengan beberapa buah negara terutamanya negara-negara Asean untuk memperkenalkan sistem "Frequent Travellers Card".

Sistem itu merupakan aplikasi terbaru yang akan dimuatkan ke dalam MyKad bertujuan memudahkan perjalanan keluar masuk ke negara-negara berkenaan.

"Setakat ini kita telah berbincang dengan beberapa negara seperti Brunei, Thailand dan Singapura mengenai perkara ini dan Brunei telah menunjukkan minat untuk menerima aplikasi tersebut," katanya.

Azizan berkata dengan adanya aplikasi itu, rakyat tidak perlu lagi membawa pasport bagi urusan keluar masuk ke negara-negara yang turut mempunyai sistem tersebut.

-- BERNAMA
SNS AHH MOZ